

Bot pukat tunda rosakkan bubu, unjam

Oleh NIK NUR IZZATUL
HAZWANI NIK ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my

DUNGUN: Kira-kira 200 nelayan di Kuala Dungun mendakwa terpaksa menanggung kerugian ribuan ringgit selepas bubu dan unjam mereka dirosakkan bot pukat tunda yang menjalankan aktiviti menangkap ikan secara haram di pesisir pantai di sini.

Rata-rata nelayan yang ditemui mendakwa, bot pukat tunda milik nelayan tempatan yang dipercayai dari negeri lain itu dan dikendalikan kru warganegara asing semakin banyak beroperasi di kawasan pesisir pantai terutama ketika musim tengkujuh dan musim mencandat sotong.

Seorang nelayan, Wan Mohd. Nazri Wan Ali, 40, berkata, aktiviti pukat tunda yang mengaut hasil laut di kawasan pesisir pan-

tai itu bukan hanya merosakkan bubu dan unjam nelayan, malah merosakkan hasil laut termasuk ikan dan sotong bersaiz kecil.

"Pukat tunda sebenarnya diharamkan diguna di kawasan pesisir pantai dan hanya boleh beroperasi di laut dalam. Apabila pukat tunda lalu di kawasan pantai, habis semua anak-anak ikan pun diorang 'sapu bersih'.

"Nelayan pesisir pantai yang bot bersaiz kecil memang terjejas sebab bila dah ditunda hasil semua sekali, sumber ikan akan berkuranjan, macam mana kami nak cari makan," katanya semalam.

Seorang lagi nelayan, Samsuri Ghani, 46, berkata, dia mengalami kerugian hampir RM30,000 tahun lalu selepas lebih 40 buah bubu miliknya dirosakkan nelayan pukat tunda.

"Kos nak buat bubu memang agak tinggi. Sebuah bubu, paling


am 20/3/2023 18:35

kurang berharga RM200. Saya terpaksa cari modal lain untuk buat semula bubu.

"Saya harap pihak berkuasa pandang serius isu ini sebab bot pukat tunda tersebut menjaskan nelayan bot kecil yang bergantung rezeki kepada hasil laut," katanya.

Sementara itu, Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd. Rashid ketika dihubungi berkata, bot pukat tunda kelas.B, C dan C2 hanya dibenarkan menjalankan aktiviti menangkap ikan pada jarak yang ditetapkan masing-masing iaitu tidak kurang daripada lima, 12 dan 30 batu nautika dari pesisir pantai.

"Kita pandang serius isu ini dan pihak Maritim Malaysia akan mempertingkatkan rondaan pada waktu malam memantau aktiviti yang didakwa ini," katanya.



WAN Mohd. Nazri Wan Ali menunjukkan sebahagian bubunya yang akan dibawa ke laut untuk menangkap ikan di Kuala Dungun, Dungun, Terengganu, semalam. - UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN